

SULIT



**PERCUBAAN SPM SPM
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Peraturan Pemarkahan**



1103/1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sektor Pembelajaran JPN Sabah**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 17 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

1103/1(PP)

SULIT

KERTAS 1**Markah penuh : 100**

1.0 Tujuan Pengujian: Untuk menguji kebolehan calon dalam;

1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.

1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.

1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.

1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan

2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.

2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menctapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:



[Lihat halaman sebelah]

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30	<u>Tema/ Tugas</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas dan matang. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai. *Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.
	(28 – 30)	
	(26 – 27)	
Kepujian	20 – 25	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.
	(23 – 25)	
	(20 – 22)	

		<u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas / terhad. • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. • Wacana masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai.
Penguasaan minimum	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara.



		<u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. • Wacana kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1 – 9 (6 – 9) (1 – 5)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugas. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka**[70 markah]**

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	• Kegramatisan - kata (morfologi) - ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2. IDEA (ISI)	• Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian / bahasan / hujahan / contoh) • Kerelevanan
3. PENGOLAHAN	• Wacana • Logik • Pemerenggan • Laras / Format
4. GAYA BAHASA	• Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa


SERTAI TELEGRAM @exercise_students

**Bahagian B : Karangan Respons Terbuka
[70 markah]**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 – 70	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan sangat menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
	(88 – 70)	
	(64 – 67)	
Kepujian	55 – 63	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
	(59 – 63)	
	(55 – 58)	

		<u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Baik	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<u>Tugasan</u> • Karangan masih menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Memuaskan	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<u>Tugasan</u> • Karangan masih / kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian kurang jelas. • Contoh kurang sesuai. <u>Bahasa</u> • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.

		<u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih / kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
Penguasaan minimum	21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	<u>Tugasan</u> • Karangan kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas / bercampur aduk. • Huraian tidak jelas / tidak berkembang. • Contoh yang tidak sesuai. <u>Bahasa</u> • Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan Ejaan dan tanda baca yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan tidak menarik • Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1 – 20 (11 – 20) (1 – 10)	• Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. • Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.

2.3 Pemeriksa hendaklah memberi komen pada karangan yang diperiksa.

3.0 Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca :

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

 = Kesalahan tanda baca

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT



SEKTOR PEMBELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN SABAH

PERATURAN PEMARKAHAN TAMBAHAN

BAHASA MELAYU 1

1103/1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

SOALAN BAHAGIAN A (30 markah)

1. Format penulisan komen :

T – menepati tugas

I – relevan, huraian jelas

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P – sangat menarik dan berkesan

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan pengurusan stres dalam kalangan murid di negara kita.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **pengurusan stres dalam kalangan murid** di negara kita.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.*

2. **Kehendak / tugas soal :**

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **cara-cara pengurusan stres dalam kalangan pelajar**:

- bijak mengurus masa
- mengamalkan gaya hidup sihat

- ii. Calon perlu menyentuh **semua bahan sama ada** sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.

- iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **cara-cara pengurusan stres dalam kalangan pelajar** – diterima dan disemak seperti biasa.

- iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

- v. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

- vi. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

- **Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTMPM)**

SOALAN BAHAGIAN B**1. Format penulisan komen :****T – menjawab tugas****I – relevan, huraian jelas****B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat****P – menarik dan berkesan****Soalan 1**

Kekurangan tenaga mahir dalam negara boleh menjejaskan perkembangan sektor ekonomi, khususnya dalam bidang perindustrian dan teknologi. Sehubungan dengan itu, kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dapat dilahirkan. Antara usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan adalah dengan memperkasa pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) bagi melahirkan tenaga mahir yang memenuhi keperluan pasaran kerja kini.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia Malaysia

Huraikan usaha kerajaan yang dinyatakan dalam petikan berserta usaha-usaha lain.

Kehendak soalan.

Calon diminta untuk menghuraikan usaha kerajaan yang dinyatakan dalam petikan berserta usaha-usaha lain yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan iaitu:

- i. memperkasa pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET)

Kemungkinan jawapan.

1. Calon menghuraikan usaha yang dinyatakan dalam petikan berserta usaha-usaha lain yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir dalam negara – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja - maksimum **BAIK**.

Soalan 2

Isu buli siber merupakan permasalahan yang hangat dibincangkan pada masa ini. Buli siber merujuk kepada penggunaan teknologi digital seperti media sosial, pesanan teks atau platform lain untuk menyebarkan mesej yang menghina, mencaci, mengugut atau mengganggu individu secara berterusan. Isu buli siber mampu diatasi sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing.

Sumber: berita.rtm.gov.my

Sebagai respons pernyataan di atas, huraikan peranan-peranan tersebut

Kehendak / Tugas Soalan.

Calon dikehendaki menghuraikan peranan-peranan pelbagai pihak untuk mengatasi isu buli siber.

Kemungkinan jawapan :

- i. Calon menghuraikan peranan pelbagai pihak – terima seperti biasa.
- ii. Calon menghuraikan satu pihak sahaja tetapi pelbagai peranan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- iii. Calon tidak menyatakan peranan mana-mana pihak / secara umum – maksimum peringkat **BAIK**
- iv. Calon menghuraikan satu pihak dan satu peranan - maksimum peringkat **BAIK**

Soalan 3

KUALA LUMPUR: Sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) terus menjadi pemacu penting ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak 38.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2022. Namun, sektor ini masih berdepan cabaran seperti peningkatan kos operasi dan persaingan digital. Bagi memperkukuh sektor ini, pelbagai inisiatif dilaksanakan termasuk penyediaan bantuan kewangan dan latihan keusahawanan serta penggunaan teknologi digital dalam pemasaran produk.

Berdasarkan petikan di atas, huraikan inisiatif-inisiatif untuk memajukan bidang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kini.

Kehendak/Tugasan Soalan :

Calon dikehendaki menghuraikan inisiatif-inisiatif untuk memajukan bidang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kini.

- penyediaan bantuan kewangan
- latihan keusahawanan
- penggunaan teknologi digital dalam pemasaran produk

Kemungkinan Jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan usaha - terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain yang relevan maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 4.

Rakyat Malaysia pula hanya membaca kurang tiga jam seminggu dan rekod purata membaca rakyat Malaysia kurang memberangsangkan iaitu 15 hingga 20 buku setahun. Menelusuri statistik berkaitan membaca pada setiap tahun menimbulkan pelbagai penilaian, perspektif, persoalan dan budaya membaca dalam kalangan rakyat kita. Jurang statistik suram ini perlu diambil perhatian. Antara cabaran yang dikenal pasti ialah remaja terpengaruh dengan penggunaan telefon pintar, kurang galakan daripada ibu bapa serta pengaruh rakan sebaya.

Sumber: *www.bharian online.com.my*

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan cabaran-cabaran membudayakan amalan membaca dalam kalangan generasi muda kini.

Kehendak/ Tugas Soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan cabaran-cabaran membudayakan amalan membaca dalam kalangan generasi muda kini:

- remaja terpengaruh dengan penggunaan telefon pintar,
- kurang galakan daripada ibu bapa
- pengaruh rakan sebaya.

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea-idea lain yang berkaitan cabaran-cabaran membudayakan amalan membaca dalam kalangan generasi muda kini - terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan idea lain berkaitan cabaran-cabaran membudayakan amalan membaca tanpa menyentuh / menyentuh sebahagian sahaja idea dalam petikan- maksimum **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan idea-idea lain tetapi merujuk tema membaca - maksimum **MEMUASKAN**.

Catatan:

- Jika calon menulis dalam bentuk poin - maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI** TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)
- Bilangan perkataan 511 dan ke atas - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- Bilangan perkataan 339 dan ke bawah - maksimum peringkat **BAIK**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata Sendi 'di ... (rumah)' dan 'ke ... (sana)'
10. Angka
11. Kata Majmuk

PERATURAN PEMARKAHAN TAMBAHAN TAMAT



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH**

1103/2(PP)

**BAHASA MELAYU
Peraturan Pemarkahan Peperiksaan Percubaan SPM
Bahasa Melayu
Kertas 2**

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Markah penuh : 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **11** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja pasif yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja pasif.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kerja pasif telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
11. Calon yang menukarkan imbuhan atau menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.

Soalan 1 – Morfologi

- (i) diserahkan
 - diberikan (dilepaskan, disampaikan, dan sebagainya) sesuatu
 - mempercayakan (kepada), diamanahkan sesuatu
 - menggantungkan (dipertaruhkan) nasib dan lain-lain kepada, bertawakal kepada.
- (ii) terjangkau
 - tercapai atau dapat (apabila dijangkau);
 - tertaafsir: dia cuba mencapai kebahagiaan yang ketinggiannya tidak ~ oleh pemahaman
- (iii) ditentukan
 - ditetapkan, dipastikan: sudah ditentukan demikian oleh Tuhan
 - diberi kepastian (keputusan), diputuskan
 - memberi tafsiran (makna tentang sesuatu), memberi definisi, mentakrifkan: setiap simbol yang digunakan dalam kamus hendaklah ditentukan maksudnya;
 - membuat kesimpulan, membuat keputusan daripada:
 - memberi keterangan yang tentu, menerangkan, mengesahkan:
 - diwajibkan, dipastikan:
 - diuruskan (supaya sempurna), diaturkan



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- (iv) terjawab
- dapat dijawab
- (v) diukur
- mencari luas (besar, lebar, dan lain-lain) sesuatu dengan menggunakan alat-alat, disukat:

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Menukarkan ayat bersusunan songsang kepada bersusunan biasa

- (i) Elemen komunikasi ini meliputi aspek secara lisan dan bukan lisan 2
- (ii) Media komunikasi yang bersifat audio visual seperti televisyen merupakan satu daripada media yang paling efektif dalam proses penyampaian maklumat dan ilmu pada masa ini. 2
- (iii) Maklumat dan ilmu daripada siaran televisyen mudah digunakan dan diingat dengan lebih lama. 2

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

- | | | | |
|-------|--------------|---|----------------------|
| (i) | cepat | - | segera (istilah) |
| (ii) | hari | - | harian (imbuhan) |
| (iii) | warga negara | - | warganegara (ejaan) |
| (iv) | berdisplin | - | berdisiplin (ejaan) |
| (v) | meyunting | - | menyunting (imbuhan) |
| (vi) | emelkan | - | e-melkan (ejaan) |

[Maksimum: 5 markah]

Bahan 2

- | | | | |
|-------|--------------|---|-------------------------------------|
| (i) | sosial media | - | media sosial (tatabahasa) |
| (ii) | pendapat | - | pendapatan (istilah) |
| (iii) | berbagai | - | berbagai-bagai/pelbagai(tatabahasa) |
| (iv) | baru | - | baharu (istilah) |
| (v) | kumpul | - | mengumpulkan (imbuhan) |
| (vi) | pengiat | - | penggiat (ejaan) |

[Maksimum: 6 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Kata-kata Tun Perak itu dipersembahkan oleh Seri Amerta kepada bawah Duli Yang Dipertuan. Baginda tersenyum, sambil bertitah, “Benar seperti kata-kata Tun Perak itu.”

Diambil oleh baginda sirih daripada puan baginda, disuruh diberikan kepada Tun Perak. Titah baginda kepada Tun Perak, “Tun Perak tidak patut tinggal di Kelang lagi; lebih baik Tun Perak tinggal di negeri ini (Melaka).”

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa
Peribahasa berdasarkan situasi

(i)

- Genggam bara api biar sampai menjadi arang /
- Alang-alang mandi biar basah /
- Alang-alang berdakwat biar hitam /
- Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan 2

(ii)

- Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung /
- masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak 2

(iii)

- Belut pulang ke lumpur / gagak pulang ke benua/
- Ikan pulang ke lubuk / sireh pulang ke gagang /
- Setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga 2

[Maksimum: 6 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan /relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas /ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	

- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6**Markah****(i) spesies-spesies ikan air tawar :**

- ikan pelian 1
- ikan kelah merah 1

(ii) Kepentingan-kepentingan**Bahan 1**

- P1 mengelak kepupusan spesies ikan air tawar
- P2 mengelakkan pencemaran sungai
- P3 menjanakan pendapatan masyarakat

Bahan 2

- P4 produk pelancongan
- P5 mengekalkan habitat semula jadi
- P6 melahirkan kesedaran terhadap nilai bekerjasama dalam komuniti

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Punca-punca

- P1 kurang ilmu pengetahuan / kemahiran tentang bidang perikanan
- P2 suasana kerja yang tidak kondusif/ kotor/ panas
- P3 pendapatan/ harga tidak tetap /pendapatan tidak menentu/
- P4 risiko yang tinggi / bahaya/ faktor keselamatan
- P5 memerlukan modal yang besar / faktor kewangan
- P6 kurang galakan keluarga
- P7 sikap malu / memandang rendah

(Punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 mempromosi/ iklan di media sosial /media massa
- P2 meningkatkan ilmu pemasaran/ kursus/ bengkel
- P3 mendapatkan khidmat nasihat pemasaran
- P4 memberikan bimbingan dan nasihat
- P5 memperkenalkan produk kepada rangkaian perniagaan/bekerjasama seperti pasar raya/restoran
- P6 mewujudkan perkhidmatan penghantaran
- P7 menyertai ekspo/ karnival/ pasar tani

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

i) Tanda-tanda Pak Tua kesal

- P1 Matanya berkaca-kaca
- P2 Setitis dua air mengalir di sudut kelopak matanya

[Maksimum : 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Kesan-kesan

Bahan 1

- P1 Hutan dara itu telah ternoda
- P2 Hutan itu telanjang polos
- P3 Yang tinggal hanyalah serpihan kayu dan tunggul-tunggul mati

Bahan 2

- P4 alam / dunia mengalami kemusnahan/kehancuran (*Dunia kini semakin derita*)
- P5 kerosakan/kehancuran alam berlaku di mana-mana/sana sini/ (*Musnahnya alam di mana-mana*)
- P6 kedamaian alam menjadi rosak/hancur/punah/musnah (*Alam yang damai menjadi binasa*)

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Punca-punca utama

- P1 kekurangan ilmu/kurang kesedaran tentang alam sekitar
- P2 mengutamakan pembangunan
- P3 mementingkan keuntungan
- P4 sikap individuistik/ rasuah
- P5 penguatkuasaan undang-undang yang lemah
- P6 gaya hidup moden

(Punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 menambah kawasan hijau / menggalakkan penanaman lebih banyak pokok
- P2 memperketat penguatkuasaan undang-undang/ hukuman denda/ kompaun
- P3 menggalakkan penggunaan pengangkutan awam/ berkongsi kenderaan
- P4 melaksanakan kempen kesedaran sayangi alam sekitar

- P5 amalan 3R/5R / amalan pembangunan lestari
- P6 menggunakan teknologi hijau
- P7 menambah kemudahan laluan pejalan kaki/ laluan basikal

(Cadangan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8

(i) **Fikiranku tiba-tiba terfokus kepada anak kecil:**

- P1 anak kecil itu menyusun-nyusun kaki
- P2 melenggok-lenggokkan badan
- P3 mengayun-ayunkan tangan
- P4 dia cuba mengikut rentak tari penari-penari yang sedang berlatih menari

. [Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

(ii) **Soalan novel : 6 markah**

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa** yang betul
- (d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian)
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]



Novel Di Sebalik Dinara

1. Shida yang sedang bermain skuasy segera balik ke apartmentnya dalam tempoh lima minit untuk membantu Farisha membuka pintu apartmen mereka. Farisha yang baru tiba dari Johor Bahru tidak dapat masuk ke apartmennya kerana abangnya Azraai telah menukar sistem keselamatan dengan memasang pengimbas retina pada pintu apartmen mereka.

Huraian : Peristiwa ini jelas menunjukkan kepentingan persahabatan kerana seorang sahabat berusaha menjaga hati sahabatnya walaupun dia sedang ada urusan lain.

2. Peristiwa kereta Rosman rosak ketika dia dan Farisha ingin menghadiri simposium di Hotel Renaissance. Rosman membuat panggilan kepada Farisha untuk mengkhabarkan perihal keretanya yang rosak. Dia bertanya jika Farisha tidak kisah menaiki monorel untuk pergi ke simposium kerana Rosman mengetahui Farisha berasa diekori.

Huraian : Peristiwa ini jelas menunjukkan kepentingan persahabatan dalam memastikan keselamatan rakan.

3. Peristiwa Farisha mengejutkan Shida yang sedang tidur. Farisha memohon bantuan Shida untuk menghantarkannya ke stesen monorel memandangkan kereta Rosman telah rosak. Shida bergegas bangun dan menghantar Farisha ke stesen monorel walaupun dia baru bangun tidur dan tidak sempat mencuci muka.

Huraian : Peristiwa ini jelas menunjukkan kepentingan persahabatan kerana seorang sahabat perlu saling membantu walaupun kadangkala mengorbankan masa rehat sendiri.

4. Rosman memaklumkan kepada Farisha bahawa dia telah memikirkan untuk mencari pekerja yang boleh menemankan Farisha ketika dia mengambil cuti panjang untuk berkahwin sebelum Farisha memintanya mencari pekerja lain. Rosman telah memilih beberapa resume untuk dihantarkan kepada Farisha melalui e-mel.

Huraian : Peristiwa ini jelas menunjukkan kepentingan persahabatan dalam memastikan sahabatnya selamat dan mempunyai teman untuk menguruskan perniagaan mereka semasa ketiadaannya nanti.

5. Ketika berada di Hotel Renaissance, Farisha tiba-tiba mengaduh dan memicit-micit kepalanya. Rosman dengan nada yang risau bertanya jika Farisha sihat. Rosman menasihatkan agar Farisha berehat dahulu dan dia akan memanggil pegawai penganjur.

Huraian : Peristiwa ini jelas menunjukkan kepentingan persahabatan kerana seorang sahabat yang baik akan mengambil berat keadaan kesihatan sahabatnya.

Novel Silir Daksina

1. Ratna menjadi tempat Haiqal berkongsi masalah mengenai keluarganya dan impiannya menjejaki warisan ayahnya di Johor.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kepentingan persahabatan kerana seorang sahabat menjadi pendengar yang baik kepada sahabatnya sekali gus mengurangkan tekanan yang dihadapi.

2. Apabila Ratna berasa sedih kerana keputusan peperiksaan SPM Ratna tidak cemerlang Haiqal menenangkan dan memberi dorongan kepada Ratna supaya tidak berputus asa.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kepentingan persahabatan yang sentiasa menjadi pendorong ketika sahabat memerlukan sokongan emosi.

3. See Hwa membantu Haiqal mendapatkan maklumat tentang ayahnya dan aktiviti seni di kampung halaman ayahnya.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kepentingan persahabatan dalam See Hwa membantu Haiqal mencari kebenaran dan mengenali asal usul keluarganya.

4. See Hwa sanggup menggantikan tempat Lazim menari bersama Haiqal apabila Lazim mengalami kemalangan.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kepentingan persahabatan dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Nota : Peristiwa-peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai.

Nota:

Haikal / Haiqal

Abdullah Kayan / Cikgu Amirulnizam / Cikgu Zam

Ai Ling / Ong Swee Hwa

Tauke Lim / Tauke Ong

Umi / Rafiqah

Walid / Abdul Fatah



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]****Soalan 9**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi maksimum - **20 markah**
 (b) Bahasa maksimum - **10 markah**

(a) Isi [20 markah]**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi		Bilangan Isi Diterima								Markah Maksimum
(i) Pendahuluan											2
(ii) Fokus 1 (manfaat/faedah /kebaikan/kepentingan/kelebihan)											16
Bahan 1	4	3	3	2	2	2	2	1	1	1	
Bahan 2	2	2	2	2	1	1	2	2	1	2	
Bahan 3	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	
(iii) Fokus 2 (Cara/langkah/usaha)											
Bahan 1	3	1	1	2	2	3	1	3	3	2	
Bahan 3	2	1	1	1	2	1	2	1	2	2	
(iv) Isi Bahan 3											
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8	8	8	8	
(iv) Penutup/ Kesimpulan											2
JUMLAH											20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	• Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Markah isi merangkumi pendahuluan, isi dan kesimpulan.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

- (vii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (ix) Kesimpulan hanya merujuk kepada tema sahaja.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- P1 ... membincangkan manfaat-manfaat / faedah-faedah / kebaikan-kebaikan/ kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan menggunakan teknologi digital dan cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha/ kaedah-kaedah meningkatkan /memperkasa /menggalakkan penggunaan teknologi digital. 2
- P2 ... manfaat-manfaat / faedah-faedah / kebaikan-kebaikan/ kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan menggunakan teknologi digital 1
- P3 ... cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha/ kaedah-kaedah meningkatkan / memperkasa / menggalakkan penggunaan teknologi digital. 1

Isi [16 markah]

FOKUS 1: manfaat-manfaat / faedah-faedah / kebaikan-kebaikan/ kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan

Bahan 1

- A1 dapat meningkatkan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran 2
- A2 dapat memupuk budaya pembelajaran aktif dalam kalangan murid-murid 2
- A3 dapat memudahkan guru menyampaikan bahan pengajaran tanpa terhad kepada ruang fizikal 2
- A4 bertindak sebagai jambatan kepada pembelajaran kolaboratif murid-murid melaksanakan pelbagai aktiviti 2

Bahan 2

- B1 melancarkan komunikasi ke seluruh dunia 2
- B2 mendorong ke arah pertumbuhan ekonomi 2

Bahan 3

- C1 kita dapat belajar secara sendiri 2

Fokus 2 - Cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha meningkatkan/memperkasa /menggalakkan penggunaan teknologi digital.

Bahan 1

D1	guru perlu diberi latihan komprehensif	2
D2	sekolah perlu memastikan capaian Internet dan peralatan digital sentiasa memadai	2
D3	murid juga perlu dibimbing agar menggunakan teknologi secara beretika dan bertanggungjawab	2

Bahan 3

E1	kita perlu memahami aplikasi-aplikasi yang digunakan	2
E2	infrastruktur teknologi juga haruslah mencukupi	2

Kesimpulan [2 markah]

K1	Kesimpulannya, teknologi digital perlulah diaplikasikan agar dapat meningkatkan kualiti hidup manusia.	2
K2	Kesimpulannya, teknologi digital perlulah diaplikasikan	1

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

